



**KEMENTERIAN KESEJAHTERAAN BANDAR,  
PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN**

Unit Komunikasi Korporat  
Aras 2, No. 51, Persiaran Perdana  
Presint 4  
62100 PUTRAJAYA  
MALAYSIA

Tel: 03 – 8000 8000  
Faks: 03 – 8891 5557  
Laman Web: [www.kpkt.gov.my](http://www.kpkt.gov.my)  
Emel: [media.ukk@kpkt.gov.my](mailto:media.ukk@kpkt.gov.my)  
Twitter: [www.twitter.com/kpkt\\_gov](http://www.twitter.com/kpkt_gov)  
Facebook: [www.facebook.com/KPKTMalaysia](http://www.facebook.com/KPKTMalaysia)

Rujukan kami : KPKT/BPK/19/7/4 Klt.48 (19)

Tarikh : 4 April 2018

## **Siaran Media**

### **OPS AKTA 757**

Adalah dimaklumkan bahawa pada 4 April 2018 jam 10.00 pagi satu OPS Akta 757 akan dilaksanakan di bawah Subseksyen 26(1)(c) dan (d) Akta Pengurusan Strata 2013 (Akta 757) oleh Unit Pesuruhjaya Bangunan Port Dickson, Negeri Sembilan bersama – sama Unit Penguatkuasaan, Bahagian Perkhidmatan Perbandaran, KPKT di Pejabat Perbadanan Pengurusan Marina View Villas, Port Dickson, Negeri Sembilan.

Kegagalan mematuhi jika disabitkan, akan melakukan kesalahan di bawah Subseksyen 26(5) Akta 757 dan apabila disabitkan boleh, didenda tidak melebihi RM250, 000 atau penjara selama tempoh tidak melebihi 3 tahun atau kedua-duanya.

Penguatkuasaan di bawah Akta 757 dapat dilaksanakan melalui dua mekanisma iaitu;-

- I. Secara rundingan dan kerjasama berterusan antara KPKT dan COB PBT
- II. OPS didedahkan kepada masyarakat melalui media elektronik, cetak dan dan lain-lain medium dengan tujuan utama bahawa Akta 757 telah mula dikuatkuasakan.

Secara keseluruhannya, Unit Penguatkuasaan, Bahagian Perkhidmatan Perbandaran ini diwujudkan bagi memastikan penguatkuasaan di bawah Akta 757 dijalankan secara sistematik dan berkesan.

Tujuan penguatkuasaan adalah seperti tersebut;-

- I. Tindakan yang diambil dari sudut perundangan ke atas pesalah – pesalah berlandaskan peruntukan Akta 757.
- II. Mengwar-warkan kepada pihak yang berkepentingan seperti pemaju, badan pengurusan bersama (JMB), perbadanan pengurusan (MC), ejen dan pemilik/pemunya petak / pembeli bahawa tindakan penguatkuasaan telah pun mula dijalankan.

- III. Memberi impak dan pengajaran kepada komuniti dan masyarakat supaya menjadikan pesalah yang telah diambil tindakan sebagai contoh.
- IV. Menyedarkan masyarakat amalan yang salah supaya dapat diperbetul dan diperkemaskan dari segi aspek pengurusan, kewangan dan lain-lain.
- V. Pendidikan melalui teknik penguatkuasaan bagi membuka mata masyarakat demi generasi akan datang betapa pentingnya skim wajib diurus dengan baik.

OPS 757 ini akan menyelesaikan banyak masalah terutama dari sudut memberi kesedaran dan tanggungjawab berhubung dengan pengurusan komuniti strata dan penyenggaraan bangunan berstrata.

-----  
Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) diterajui oleh YB Tan Sri Noh bin Haji Omar. Di bawah Kementerian ini terdapat 9 Jabatan iaitu PLAN Malaysia; Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia; Jabatan Perumahan Negara; Jabatan Kerajaan Tempatan; Jabatan Landskap Negara; Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara; Solid Waste Corporation Malaysia; Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata; dan Institut Latihan Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat  
b.p. Ketua Setiausaha  
Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan  
Telefon : 03-8891 5555  
Faks : 03-8891 5557  
E-mel : [media.ukk@kpkt.gov.my](mailto:media.ukk@kpkt.gov.my)